

26 JUN 2001

PEMADAM TERIMA RM500,000 DARIPADA KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluluskan bantuan kewangan sebanyak RM500,000 kepada Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) di bawah peruntukan Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan, demikian menurut Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan di JPM berkata dalam satu kenyataan bahawa bantuan itu bagi membantu Pemadam dalam usahanya membasmi serta menjalankan penyelidikan mengenai penyalahgunaan dadah dan untuk membantu bekas penagih melalui jagaan lanjut.

Buat masa ini, terdapat 15 cawangan Pemadam di peringkat negeri dan 148 cawangan di peringkat daerah, dengan ahli berjumlah 51,645 orang.

Pemadam juga menerima bantuan kerajaan sebanyak RM100,000 setahun sejak 1976 melalui Agensi Dadah Kebangsaan di Kementerian Dalam Negeri.

Peruntukan itu digunakan untuk melaksanakan program dan kegiatan pencegahan awalan di samping membantu pembelajaran pentadbiran pejabat Pemadam, katanya.

Menurut kenyataan itu, Ketua Pengarah unit itu, Datuk Dr Zainul Ariff Hussain menyerahkan cek sebanyak RM500,000 itu kepada Pemadam yang diterima oleh Yang Dipertuanya Datuk Zainal Abidin Zin yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri.

-- BERNAMA

ES ES MAI